

Generasi muda Islam dikelirukan ideologi asing

Kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati generasi muda masa kini cenderung untuk tidak mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh kerana pelbagai faktor, termasuk keliru dengan ideologi asing yang dibawa melalui pelbagai medium.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata selain itu, kurangnya kefahaman agama Islam kerana tidak mengikuti pendidikan agama dari peringkat kanak-kanak, antara sebab golongan muda tidak mengamalkan ajaran Islam, termasuk solat.

“Kerajaan sudah melaksanakan beberapa kajian berkaitan kefahaman dan amalan agama Islam dalam kalangan masyarakat beragama Islam pada pelba-

gai peringkat umur dan aspek.

“Kajian ini sudah menggunakan pelbagai kaedah dan metodologi termasuk kajian kualitatif dan kuantitatif. Setiap kajian dilaksanakan turut membabitkan pelbagai agensi kerajaan yang lain serta pusat pengajian tinggi di Malaysia,” katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Zulkifli Ismail (PN-Jasin) yang meminta Perdana Menteri menyatakan apakah wujud kajian dibuat JAKIM terhadap berapa ramai umat Islam tidak bersolat dan langkah untuk mengatasinya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan melaksanakan pendekatan proaktif terhadap golongan muda ini dengan mewujudkan kelas KAFA dan menggalakkan ibu serta bapa

menghantar anak bagi mengikuti pelajaran agama Islam di kelas KAFA.

Selain itu, katanya, JAKIM sentiasa memperkasakan fungsi masjid dengan mengadakan kelas agama, tazkirah dan pengajian bagi membolehkan semua golongan mendapatkan penjelasan berkaitan agama Islam secara formal dan tidak formal.

“Kerajaan turut menggalang usaha, tenaga dan pemikiran dalam mengisi ruang bagi memberikan pendidikan agama Islam untuk golongan muda melalui program MyInsaniah.

“Program ini diperkenalkan dengan memberi tumpuan penyertaan kepada semua belia di negara ini dengan tiga modul yang khusus, iaitu modul kepe-

mimpinan, modul jati diri dan modul citra Malaysia,” katanya.

Anwar berkata, JAKIM menyokong penuh idea dimulai penyanyi, Muhammad Alif Muhammad Satar atau Alif Satar yang menggunakan tagline ‘Geng Subuh Macam Jumaat’, kerana ia mendapat sambutan baik pelbagai lapisan masyarakat, terutama golongan muda.

“Gerakan ‘Geng Subuh Macam Jumaat’ ini juga dilaksanakan di beberapa negeri dan mendapat sambutan memberangsangkan ahli masyarakat.

“JAKIM sentiasa mengajak pelbagai pihak turut sama membantu kerajaan menyampaikan dan mengajak masyarakat Islam melaksanakan syariat Islam sebagai sebahagian kehidupan,” katanya.